


# Tingkatkan diri dengan teknologi baru



**TINGKATKAN DIRI:** (Paling kiri) Mr Zulkefli dan beberapa peserta pertama program PeMC berpeluang beramah mesra dengan Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik S. Iswaran, semasa pelancaran program tersebut. – Foto SMF

▶ **ATIYAH MOHD SAID**  
atiyahm@sph.com.sg

SELAMA hampir 20 tahun bertugas dalam industri kejuruteraan jitu, Encik Zulkefli Ismail hanya melakukan kerjanya dengan 'kaedah lama atau tradisional'.

Oleh itu, beliau begitu teringin mendedahkan dirinya kepada teknologi baru yang boleh meningkatkan produktiviti dan keberkesanan tugasnya sebagai seorang pengurus pertukangan dan acuan (*tooling*).

Impian itu tercapai apabila syarikatnya, Armstrong Rubber Manufacturing Pte Ltd, menghantar beliau menjalani kursus Pensijilan Pakar Tukang Kejuruteraan Jitu (PeMC) dan beliau kini sedang mengikuti kursus Diploma Lanjutan yang akan berakhir pada 2015.

Program diploma yang dikendalikan Politeknik Nanyang itu adalah inisiatif Persekutuan Pengilangan Singapura (SMF) dan Persatuan Kejuruteraan Jitu dan Pertukangan Singapura (Speta) dengan disokong Lembaga Kemajuan Ekonomi (EDB) dan Agensi Pembangunan Tenaga Kerja (WDA) itu bertujuan mempertingkatkan kemahiran pekerja dalam industri perkilangan setempat.

Encik Zulkefli, 47 tahun, adalah antara kumpulan pertama yang menduduki program tersebut.

Berkongsi lebih lanjut, bapa seorang anak itu berkata beliau kini bukan sahaja lebih peka tentang teknologi baru dalam pasaran, malah lebih yakin dengan keupayaan melatih 11 pekerja di bawah jagaannya.

"Sebagai orang lama dalam bi-

dang ini, saya tidak begitu terdedah kepada teknologi ataupun trend terbaru. Jadi saya berasa sangat beruntung kerana program ini banyak bersifat praktikal, mengajar kami tentang teknologi baru.

"Ini relevan dengan firma kami, dan saya lihat banyak aspek yang boleh dilaksanakan di tempat kerja. Misalnya, ada teknologi dan sofwe baru yang boleh mengurangkan kadar produk rosak dan sekali gus meningkatkan produktiviti," katanya.

Menerusi program itu juga beliau mempelajari kaedah melatih pekerja dengan cara yang betul.

"Sebelum ini saya melatih pekerja dengan cara saya sendiri, maknanya tiada cara yang tersusun. Tetapi dengan pengetahuan baru yang ditimba, saya dapat melakukan latihan pekerja dengan lebih sistematik," kata beliau lagi.